

PENGURUSAN PERSATUAN

Amir Hamzah Aman

PENGURUSAN PERSATUAN

© MK e-Solutions Sdn. Bhd.

ISBN 978-967-0036-04-5

Terbitan Pertama : 2023

PENULIS

Dr. Amir Hamzah bin Aman

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak dibenarkan dicetak atau disalin semula, disimpan dalam mana-mana sistem perolehan kembali, diedarkan atau dipindahkan dalam sebarang bentuk, sama ada bentuk elektronik, salinfoto, rakaman atau dengan cara apa jua pun, tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada MK e-Solutions Sdn. Bhd., Malaysia.

Kesahihan fakta dan tafsiran dalam terbitan ini adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya dan tidak mewakili pandangan, tafsiran dan huraian pihak penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Amir Hamzah Aman, 1967-

PENGURUSAN PERSATUAN

ISBN 978-967-0036-04-5

1. Activity programs in education.
 2. Student activities--Management.
 3. School supervision.
 4. School management and organization.
 5. School improvement programs.
- 371.3

Penerbit:

MK e-Solutions Sdn. Bhd. (200801002403)

6th Floor, Suite 16, IOI Business Park, Persiaran Puchong Jaya Selatan, Bandar Puchong Jaya, 47100 Puchong Selangor. Malaysia. Tel: +603 80644228. Fax: +603 80642050

Website: <http://www.mke-solutions.com> Email: enquiries@mke-solutions.com

Dicetak oleh:

CIPTA Printing & Publishing (M) Sdn Bhd

No.16, Persiaran Rishah 14, Kawasan Perindustrian Silibin, 30100 Ipoh, Perak. Malaysia

Tel : +605-5262627 Fax : +605-526220



Kandungan

Kandungan	i
Tinta Bicara Penulis	ii
Bab 1 Pengenalan Persatuan	1
Bab 2 Pengurusan Persatuan dan Kelab	14
Bab 3 Penubuhan Persatuan dan Kelab	22
Bab 4 Pengurusan Fail Persatuan dan Kelab	38
Bab 5 Pengendalian Mesyuarat Persatuan dan Kelab	54
Bab 6 Kewangan Persatuan dan Kelab	83
Bab 7 Gaya Kepimpinan dalam Berpersatuan	103
Bab 8 Pelaksanaan Aktiviti Persatuan dan Kelab	111
Lampiran	122
Rujukan	138
Biodata penulis	139

Tinta Bicara Penulis



Assalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, lahirlah buku Pengurusan Persatuan sebagai sumber rujukan untuk murid dan guru, siswa guru dan semua pendidik yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan pengurusan persatuan di sekolah mengikut acuan sebenar.

Penulisan buku ini diharapkan dapat membantu meningkatkan kefahaman semua pihak terhadap pengurusan persatuan di sekolah. Justerunya, ia juga dapat memudahkan tugas para pendidik dalam melaksanakan tugas kokurikulum persatuan di sekolah dengan cekap dan berkesan.

Keberkesanan pelaksanaan pengurusan persatuan di sekolah perlu diberi perhatian dengan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui kefahaman yang tuntas. Hanya melalui pembacaan, bimbingan dan pengalaman mengajar kita menjadi lebih cekap dalam menguruskan persatuan di sekolah.

Sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan kepada siswa guru dan guru pakar dalam membantu memberikan input. Semoga perkongsian ilmu ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak terutamanya pemegang taruh yang terlibat secara langsung dalam kokurikulum.

Diharap Buku Pengurusan Persatuan ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan yang membantu meningkatkan kefahaman dalam melaksanakan pengurusan kokurikulum seterusnya dapat meningkatkan hasil yang mampu membentuk kemenjadian murid dalam kokurikulum secara berkesan.

Sekian, terima kasih.

DR. AMIR HAMZAH BIN AMAN
Pensyarah Cemerlang (Kokurikulum)
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu

1

Pengenalan Persatuan

1.0 Pengenalan

Kokurikulum persatuan merupakan sebahagian daripada aktiviti kokurikulum yang diperuntukkan di sekolah. Kokurikulum di sekolah terbahagi kepada tiga komponen seperti yang berikut:

- a. Persatuan dan kelab
- b. Pasukan pakaian seragam
- c. Sukan dan permainan

Bagi memenuhi keperluan berpersatuan, kurikulum persatuan telah digubal dengan mengambil kira keperluan dan kesesuaian pelaksanaannya di sekolah. Pada peringkat sekolah rendah, guru merupakan tunjang atau tulang belakang kepada pembangunan dan kelancaran aktiviti berpersatuan. Hal ini demikian kerana kebanyakan